

# SPRM PULAU PINANG



## Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

S1 / 2013

### KANDUNGAN

#### AKTIVITI PENCEGAHAN

- SPRM Pulau Pinang Bersama Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pengajian Tinggi Awam (SPR IPTA) USM Pulau Pinang
- SPRM Pulau Pinang Bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia (SPR IPG) Kampus Pulau Pinang Dan SPR IPG Tuanku Bainun Bukit Mertajam
- Majlis Penyerahan Kuarters SPRM Pulau Pinang
- Program Turun Padang (TURPA) Bersama NGO's (Majlis Belia Daerah SPT) Dan Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR USM Pulau Pinang)
- Majlis Penerangan Dan Diskusi Meja Bulat Pencegahan Rasuah & Pemantapan Integriti Persatuan Penolong Pegawai Tanah Pulau Pinang

#### ***Bagaimana anda boleh memberi maklumat kepada SPRM***

- Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM yang berhampiran
- Hubungi SPRM di talian **03-88867000** atau Talian Bebas Tol **1-800-88-6000**
- Tulis surat kepada mana-mana Pejabat SPRM poskad 6000 **tanpa setem**
- Email SPRM: [info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my)
- Laman Web SPRM: [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA PULAU PINANG**  
44, JALAN SULTAN AHMAD SHAH,  
PETI SURAT 6000  
10850 PULAU PINANG

Tel: 04-2271982 Faks: 04-2266070/2292315

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH  
MALAYSIA CAWANGAN SEBERANG PERAI,  
TINGKAT 2B, BANGUNAN MAHKAMAH  
MAJISTRET (MUNISIPAL) MPSP**  
JALAN KAMPUNG JAWA, SEBERANG PERAI,  
12000 BUTTERWORTH, PULAU PINANG  
Tel: 04-3246000 Faks: 04-3242000

### Kata-kata Aluan

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Saya sangat bersyukur kerana Newsletter Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang ini dapat diteruskan pada tahun ini sejak ia mula diterbitkan kali pertama pada tahun 2012. Newsletter ini bertujuan untuk memberi input kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) pada setiap suku tahun berkaitan aktiviti pencegahan rasuah SPRM Pulau Pinang dalam memerangi jenayah rasuah serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM di negeri ini.



DATO' SAMARAJOO MANIKAM  
Pengarah  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah  
Malaysia  
Pulau Pinang.

Pelbagai aktiviti dan usaha dilaksanakan oleh SPRM Pulau Pinang sebagai pemangkin bagi mencapai hasrat kerajaan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana salah satu bidang adalah memerangi jenayah rasuah. Sebagai agensi yang diberi mandat untuk memerangi rasuah khasnya di Pulau Pinang, tentu sekali ianya bukan satu tanggungjawab yang mudah. Namun, dengan adanya kerjasama yang padu daripada semua Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Pulau Pinang serta sokongan yang berterusan daripada masyarakat tempatan, saya yakin masalah rasuah dapat dibendung.

Saya berharap kita bersama-sama dapat bergabung tenaga untuk memerangi jenayah rasuah bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup serta meningkatkan ekonomi negara. SPRM Pulau Pinang akan sentiasa menerima pandangan daripada semua pihak untuk kebaikan bagi memerangi gejala rasuah. Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang selama ini telah memberikan sokongan dan bersama-sama dengan SPRM Pulau Pinang dalam memerangi jenayah rasuah.

Sekian.



## SPRM PULAU PINANG BERSAMA SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (SPR IPTA) USM PULAU PINANG

**PULAU PINANG** – 21 Februari 2013, Seramai 10 orang peserta terdiri daripada ahli-ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pengajian Tinggi Awam (SPR IPTA) Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang telah menghadiri Program SPRM Pulau Pinang Bersama SPR USM yang dianjurkan oleh SPRM Pulau Pinang.

Objektif program ini adalah menerapkan nilai anti rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di kalangan pelajar IPTA dan juga menjadikan SPR USM sebagai key communicator dan agen anti rasuah kepada masyarakat kampus dan luar kampus seterusnya di tempat mereka bekerja nanti.

Dua sesi ceramah telah diadakan bertajuk, “Pengenalan Akta SPRM 2009” dan “Peranan Pelajar Dalam Pencegahan Rasuah”.

Pameran dan edaran risalah juga diadakan untuk peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009. Selain itu sesi diskusi meja bulat telah diadakan bagi membincangkan perancangan dan perlaksanaan program SPR diperingkat universiti bagi tahun 2013.

Y.Bhg. Dato' Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang turut hadir dalam program ini dan memberi kata-kata semangat kepada ahli-ahli SPR supaya setiap aktiviti pencegahan rasuah yang akan dijalankan di peringkat universiti mestilah memberi impak yang besar kepada masyarakat kampus.

Melalui program ini peserta memahami peranan dan halatuju mereka dalam melaksanakan aktiviti pencegahan rasuah diperingkat universiti serta bersama-sama dengan SPRM dalam membanteras jenayah rasuah.





# Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

## SPRM PULAU PINANG BERSAMA INSTITUT PENDIDIKAN GURU (SPR IPG) KAMPUS PULAU PINANG DAN SPR IPG TUANKU BAINUN BUKIT MERTAJAM

**PULAU PINANG** – 21 Februari 2013, Seramai 22 orang peserta terdiri daripada ahli-ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan Guru (SPR IPG) Kampus Pulau Pinang dan Kampus Tuanku Bainun telah menghadiri Program SPRM Pulau Pinang Bersama SPR IPG yang dianjurkan oleh SPRM Pulau Pinang.



SPR IPG ditubuhkan pada 22 Januari 2013 yang dirasmikan oleh YB Dr. Haji Mohd Puad Zarkashi, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia di Institut Integriti Malaysia (IIM) Kuala Lumpur.

Tujuan penubuhan SPR IPG ini adalah sebagai key communicator dikalangan penuntut IPG dan juga masyarakat di kampus dan mengaplikasikan nilai pencegahan rasuah di sekolah tempat mereka mengajar nanti.



Dua sesi ceramah telah diadakan bertajuk, “Pengenalan Akta SPRM 2009” dan “Peranan Pelajar Dalam Pencegahan Rasuah”. Selain pameran, edaran risalah juga diadakan bagi peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.



Seterusnya diadakan sesi diskusi meja bulat bagi membincangkan perancangan dan perlaksanaan program oleh SPR IPG diperingkat institut masing-masing tahun 2013.

Y.Bhg. Dato' Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang turut hadir dalam program ini bagi menyampaikan ucapan aluan dan kata-kata semangat untuk peserta dalam melaksanakan aktiviti pencegahan rasuah di peringkat IPG. Beliau menyeru kepada bakal guru-guru ini agar dapat memainkan peranan dalam menerapkan nilai-nilai murni dan anti rasuah kepada anak-anak murid mereka nanti.

Diharap program ini dapat mananam sifat membenci rasuah dikalangan bakal guru ini seterusnya dapat melahirkan generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.



## MAJLIS PENYERAHAN KUARTERS PEGAWAI DAN KAKITANGAN SPRM PULAU PINANG

**PULAU PINANG** - 7 MAC 2013 - Mengambil kira peningkatan kos sara hidup dan kemudahan pegawai dan kakitangannya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Rancangan Malaysia Ke-Sembilan telah melaksanakan lapan projek pembinaan bagi tujuan kemudahan dan fasiliti golongan berkenaan.

Pada 15 Januari 2013, satu lagi projek yang dibangunkan bagi kemudahan pegawai dan kakitangan, iaitu Kompleks Perumahan SPRM Pulau Pinang telah berjaya disiapkan. Projek bernilai RM 18.7 juta itu merupakan satu-satunya projek yang telah diluluskan melalui Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh.

Kuarters 22 tingkat yang dibina di atas tapak seluas 1.5 ekar dengan keluasan 5, 974 meter persegi ini berjaya disiapkan merangkumi 32 unit kediaman kelas E, surau, pusat penjagaan kanak-kanak, taman permainan kanak-kanak serta wakaf.

Rekabentuk kuarters menggunakan konsep moden dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan prasarana terkini , malahan kedudukan lokasinya yang strategik dan menarik dengan kedudukan di tepi laut menjadi nilai tambah kepada kuarters ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pengurusan dan Profesionalisme, Dato' Zakaria Jaffar dalam ucapannya berharap kuarters ini dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan SPRM kepada masyarakat dalam membanteras rasuah.

Majlis turut menyaksikan penyerahan dokumen projek perumahan di antara Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Ir. Ahmad Latiff Abdul Hamid kepada Dato' Zakaria Jaffar. Turut hadir pada majlis tersebut ialah, Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bahagian Am (CKBA) JKR Malaysia, Ir. Prof Datuk Dr Amer Hamzah Mohd Yunus, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Dato' Samarajoo Manikam dan Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia SPRM, Hjh. Rohani Kadir.





## Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

### PROGRAM TURUN PADANG (TURPA) SPRM PULAU PINANG BERSAMA NGO'S (MAJLIS BELIA DAERAH SPT) DAN ALUMNI SPR USM

**PULAU PINANG** – 09 Mac 2013, Seramai 100 orang peserta terdiri daripada pemimpin tertinggi dan ahli jawatankuasa Persatuan Majlis Belia Daerah Seberang Perai Tengah (NGO's), pelajar-pelajar IKBN, Persatuan Badan Beruniform dan swasta telah menyertai Program Turun Padang (TURPA) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang Bersama NGO's Dan Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.

Program ini adalah anjuran bersama SPRM Pulau Pinang, Majlis Belia Daerah SPT (NGO's) dengan kerjasama Alumni SPR USM yang telah diadakan di Hutan Lipur Cherok To'Kun, Bukit Mertajam.

Objektif program ini diadakan bagi meningkatkan hubungan kerjasama di antara SPRM dengan NGO's dan Alumni SPR USM serta memberikan pengetahuan awal berkaitan rasuah dan kesannya kepada golongan belia yang bakal memulakan kerjaya. Ianya juga bagi meningkatkan 'Sense of Ownership' terhadap usaha membanteras rasuah serta mengeratkan hubungan kerjasama di antara SPRM dengan peserta.

Program ini adalah dalam bentuk explorace di mana peserta telah dibahagikan kepada 10 kumpulan dan terdapat 10 check point yang disediakan. 5 check point dikendalikan oleh SPRM Pulau Pinang dan 5 check point lagi dikendalikan oleh Majlis Belia SPT. Di check point SPRM terdapat teka silang kata, kuiz, telefon karat, susun puzzle dan susun abjab di mana setiap check point tersebut peserta perlu mencari maklumat berkaitan SPRM bagi menyelesaikan tugas yang diberi. Maklumat ini peserta boleh dapat di khemah pameran SPRM.

Dengan adanya program sebegini SPRM Pulau Pinang berharap dapat berinteraksi secara bersemuka dengan NGO's dan masyarakat setempat dalam meningkatkan kefahaman mereka tentang peranan dan tanggungjawab bersama memerangi jenayah rasuah. Selain itu, supaya golongan ini memainkan peranan dalam menyebarkan mesej anti-rasuah dikalangan mereka.





## MAJLIS PENERANGAN DAN DISKUSI MEJA BULAT PENCEGAHAN RASUAH DAN PEMANTAPAN INTEGRITI PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI TANAH PULAU PINANG

**PULAU PINANG** – 13 Mac 2013, Seramai 21 orang peserta terdiri daripada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Persatuan Penolong Pegawai Tanah dari Pejabat Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Dan Daerah Barat Daya, Timur Laut dan Seberang Perai Tengah telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Diskusi Meja Bulat Pencegahan Rasuah Dan Pemantapan Integriti Persatuan Penolong Pegawai Tanah Pulau Pinang.

Majlis ini adalah anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang yang telah diadakan di Bilik Seminar Mutiara Integriti SPRM Pulau Pinang.

Objektif seminar ini adalah memberi penerangan berkenaan Akta SPRM 2009 serta meningkatkan pengetahuan dan keyakinan masyarakat melalui komunikasi bersemuka. Ianya juga bagi mengukuhkan integriti ahli-ahli persatuan serta mengwujudkan rangkaian sumber dan mengekalkan hubungan yang baik.

Dua sesi ceramah telah diadakan bertajuk, “Pengenalan Akta SPRM 2009” dan “Budaya Kerja Berintegriti”.

Pameran dan edaran risalah juga diadakan bagi peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.

Selain itu, sesi diskusi meja bulat telah diadakan di mana para peserta telah dibahagikan kepada dua kumpulan dan setiap kumpulan telah diberikan satu isu untuk dibincangkan dan melantik seorang ketua kumpulan untuk membentangkan resolusi kumpulan.

Majlis penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang.

Melalui program ini para peserta dapat meningkatkan pengetahuan berkenaan kesalahan-kesalahan yang berkaitan jenayah rasuah serta kesan-kesan jenayah rasuah. Peserta juga menunjukkan komitmen mereka untuk meningkatkan integriti dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada SPRM dalam memerangi jenayah rasuah.





## **AKTIVITI PAMERAN**

Sepanjang suku tahun pertama (Januari – Mac 2013) SPRM Pulau Pinang telah mengadakan beberapa aktiviti pameran. Objektif aktiviti pameran ini diadakan bagi mendekatkan SPRM dengan masyarakat supaya mereka dapat merasai kewujudan SPRM. Selain itu juga untuk memberi penerangan dan informasi-informasi berkaitan jenayah rasuah serta meningkatkan kesedaran di kalangan mereka mengenai bahaya gejala rasuah.

**PAMERAN SEMPENA SPRM PULAU PINANG BERSAMA SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (SPR IPTA) USM PULAU PINANG, SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) KAMPUS PULAU PINANG DAN TUANKU BAINUN**  
**21 Februari 2013 (Khamis)**



**PAMERAN DI UNIT PENGAWASAN SENGGARA  
TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) BUTTERWORTH**  
**08 Mac 2013 (Jumaat)**





## Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

### SAMBUNGAN AKTIVITI PAMERAN

PAMERAN SEMPENA PROGRAM TURUN PADANG BERSAMA ALUMNI SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH (USM PULAU PINANG (SPR USM) BERSAMA NGO'S (MAJLIS BELIA DAERAH SPT)  
09 Mac 2013 (Sabtu)



PAMERAN SEMPENA MAJLIS PENERANGAN DAN DISKUSI MEJA BULAT PENCEGAHAN RASUAH DAN PEMANTAPAN INTEGRITI PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI TANAH PULAU PINANG  
13 Mac 2013 (Rabu)



PAMERAN DI PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP)  
22 Mac 2013 (Jumaat)





*SPRM Pulau Pinang mengalu-alukan sebarang sumbangan berbentuk penulisan yang bertemakan tadbir urus terbaik dan pencegahan rasuah. Sila kemukakan penulisan Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan melalui email : [newsletter.pp@sprm.gov.my](mailto:newsletter.pp@sprm.gov.my)*

